

Soalan No:44

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT****PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : DATO' DR. SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH [LENGGONG]****TARIKH : 27.11.2017****SOALAN :****Dato' Dr. Shamsul Anuar Bin Haji Nasarah [Lenggong] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan:**

- (a) sejauh mana pencapaian inisiatif Kementerian melalui usaha sektor awam (NKRA) dan swasta (NKEA) dalam membantu menjadikan negara sebagai hab pendidikan antarabangsa ; dan
- (b) apakah usaha Kementerian dalam memperkasa dan menambah kelengkapan ICT bagi tujuan pembelajaran di sekolah rendah mahu pun menengah di kawasan luar bandar.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kerajaan Malaysia telah melaksanakan Program Transformasi Ekonomi yang menumpukan kepada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara seperti yang diumumkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10). Sektor Pendidikan merupakan salah satu daripada 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang memberi tumpuan kepada empat segmen utama iaitu pendidikan awal kanak-kanak, pendidikan asas (sekolah rendah dan menengah), pendidikan teknikal dan vokasional (TVET) dan

103

pengajian tinggi. Di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), inisiatif NKEA dan NKRA telah diserap menjadi sebahagian daripada Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025.

Pendidikan prasekolah yang ditawarkan oleh tadika swasta yang berdaftar dengan KPM merupakan pelengkap kepada perkhidmatan pendidikan prasekolah yang disediakan oleh kerajaan. Pada tahun 2009, terdapat 5,956 buah tadika swasta yang berdaftar dan beroperasi dengan 284,081 orang murid berumur 4+ dan 5+. Pada tahun 2017, terdapat 7,428 buah tadika swasta yang telah berdaftar dan beroperasi dengan 291,580 orang murid berumur 4+ dan 5+.

Seterusnya, melalui penumpuan yang diberikan dalam NKEA, pertumbuhan sekolah antarabangsa dan kemasukan murid antarabangsa telah meningkat dengan ketara. Sehingga Jun 2017, terdapat 132 buah sekolah antarabangsa telah berdaftar dan beroperasi di Malaysia yang menunjukkan peningkatan sebanyak 158 peratus berbanding tahun 2009. Peningkatan yang ketara dalam jumlah murid antarabangsa turut berlaku di mana pada tahun 2017 terdapat 17,436 orang murid antarabangsa sedang mengikut pendidikan di sekolah antarabangsa di seluruh negara.

- (b) KPM sentiasa berusaha melengkapkan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran (PdP) di semua sekolah seluruh negara dengan

memastikan sekolah dilengkapi dengan peralatan ICT dan rangkaian internet. KPM juga melaksanakan penyelenggaraan peralatan ICT setiap tahun. Dari segi capaian internet, sehingga 27 September 2017, daripada 10,180 buah sekolah, sebanyak 7,297 (71.7 peratus) buah sekolah telah dirangkaikan dengan perkhidmatan 1BestariNet dengan kelajuan lebar jalur 4Mbps - 15Mbps, sebanyak 1,952 (19.2 peratus) buah sekolah dengan teknologi VSAT serta ADSL dan sebanyak 931 (9.1 peratus) buah sekolah menggunakan perkhidmatan daripada ISP lain.

RJM83